

Headline	Students in Drama, Teacher Gets the Award		
Date	2008-10-30		
Media Title	Berita Harian (Mon-Sat)	Section	DalamNegeri
Page No	2	Size	N/A
Description	Nordiana Binte Sani is one of the winners of the Inspiring Teachers of English Award.		

Murid 'berdrama', guru dapat anugerah

Oleh HISHAM HAMBARI
mhisham@sph.com.sg

BELIAU pernah mempunyai seorang murid darjah 1 yang terlalu pendiam hingga tidak mahu bercakap se-patah perkataan pun di dalam kelas.

Namun melalui satu program drama interaktif yang dikendalikan Cik Nordiana Sani, sikap kanak-kanak itu berubah dan akhirnya 'terkeluar' juga suaranya.

Lebih menarik lagi, menerusi penyertaannya dalam program drama interaktif itu, tahap keyakinannya bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris turut meningkat.

"Pada mulanya murid itu tidak mahu melibatkan diri dalam kegiatan kelas, dia hanya duduk memerhatikan kawan-kawannya yang lain.

"Lama-kelamaan apabila melihat murid-murid lain seronok menikmati program drama itu, secara perlahan-lahan dia memberanikan diri untuk turut serta," kata guru bahasa Inggeris di Sekolah Rendah Mayflower itu.

Ramai murid darjah 1 dan 2 yang menyertai program Pembangunan Melalui Drama itu memberitahunya dan guru-guru lain bahawa mereka amat meminati program tersebut.

Malah, Cik Nordiana turut menerima pujian daripada ibu bapa murid-murid yang gembira melihat anak-anak mereka mencapai tahap penguasaan bahasa Inggeris yang baik.

Oleh sebab itu tidak hairanlah Cik Nordiana menerima banyak pencalonan daripada ibu bapa dan pelajar untuk Anugerah Guru Inggeris Paling Memberi Inspirasi (*The Inspiring Teacher of English Award*).

Cik Nordiana, 28 tahun, merupakan antara sembilan guru sekolah rendah, menengah dan maktab rendah yang menerima anugerah itu yang diberi buat julung-julung kalinya.

Seramai 163 guru telah dicalonkan menerima anugerah yang disampaikan bersama oleh akhbar *The Straits Times* dan Gerakan Bertutur Bahasa Inggeris Yang Baik, serta disokong Kementerian Pendidikan (MOE).

Menteri Negara Kanan (Pendi-



USAHA BERBALOI: Cik Nordiana Sani bergaya dengan piala Anugerah Guru Inggeris Paling Memberi Inspirasi yang diterimanya hasil mengendalikan program drama interaktif yang dapat mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid-muridnya. - Foto TAUFIK A. KADER

kan merangkap Penerangan, Perhubungan dan Kesenian), Laksamana Pertama (Kerahan) Lui Tuck Yew, telah menyampaikan anugerah itu di satu majlis di Perpustakaan Negara, semalam.

Bagi Cik Nordiana, anugerah itu akan mendorong beliau agar terus menjayakan program yang telah diketikalinya selama tiga tahun itu.

"Saya amat berbesar hati menerima anugerah ini, yang merupakan satu pengiktirafan terhadap sumbangan saya dalam sama-sama menjayakan program itu dan tentunya ia juga akan mendorong saya dan rakan-ra-

kan saya yang lain," ujar beliau, yang menjadi guru sejak empat setengah tahun lalu.

Mengenai keberkesanan program bahasa Inggeris itu, beliau berkata ia menekankan pembelajaran melalui permainan dalam suasana ceria.

"Antara punca kejayaan program itu ialah ia mengajar bahasa Inggeris secara seronok, dalam suasana tidak menakutkan dan melalui permainan watak atau *role play*.

"Apabila kanak-kanak rasa seronok dan selesa, itulah masanya mereka dapat menerima pelajaran dengan baik," kata Cik Nordiana.